



Kaifiat Menunaikan Solat Sunat Istikharah

Niat	Lafaz niat: أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِسْتِخَارَةِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى Maksudnya: <i>Sahaja aku solat sunat istikharah dua rakaat kerana Allah Taala</i>	
Bilangan rakaat	2 rakaat dan 1 salam atau sehingga 12 rakaat dengan 6 salam	
Waktu	• Boleh dilakukan pada bila-bila masa sama ada waktu siang atau malam. • Sebaik-baiknya dikerjakan pada waktu malam (semasa qiamullail) bersama-sama solat sunat tahajud dan solat sunat taubat.	
Cara pelaksanaan	• Digalakkan secara bersendirian. • Lakukan solat sunat istikharah selama 3 atau 7 hari berturut-turut. • Akan diberi kecenderungan untuk membuat sesuatu keputusan yang betul.	
Bacaan dalam solat	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Surah al-Fatihah	
	Surah al-Kafirun atau surah lain	Surah al-Ikhlash atau surah lain
	Ketika sujud akhir di rakaat kedua (sebelum tahiyat akhir), bacalah sebanyak 40 kali doa berikut: سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا، إِنَّكَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ. Maksudnya: <i>Maha Suci Engkau, tiada pengetahuan bagi kami kecuali apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.</i>	
	• Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam • Berdoa dengan doa yang sesuai	